

11 JUL 2000

Mahathir-Bumiputera

PENGUSAHA BUMIPUTERA BOLEH BERJAYA DALAM FRANCAIS DAN IKS

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pendekatan yang dibuat oleh kerajaan dalam mengkaji masalah pengusaha bumiputera dalam perniagaan telah mengenal pasti bahawa mereka mempunyai potensi untuk berjaya dalam bidang runcitan dan industri kecil dan sederhana (IKS).

Bagaimanapun, pengusaha-pengusaha bumiputera didapati kurang berminat dengan perniagaan runcitan yang agak rumit dan bermasalah. Oleh itu, salah satu pendekatan yang dikenal pasti adalah bagi mereka melibatkan diri dalam bidang francais, katanya.

Beliau berucap pada Majlis Dialog dengan Pengusaha Bumiputera anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di sini hari ini.

Katanya, dalam francais semua hal besar seperti pengenalan jenama dan hiasan dalaman sudahpun diatasi dan pengusaha cuma perlukan sedikit kecekapan pengurusan serta modal yang kecil.

Contoh perniagaan francais, katanya, termasuklah pasar mini, pembuat roti dan kek, muih-muih dan manisan, perniagaan foto dan sebagainya.

Bumiputera, katanya, tidak berminat kepada perniagaan runcitan yang lebih rumit dan bermasalah tetapi lebih kepada mendapatkan kontrak, projek dan AP (approved permit).

Tetapi jika mereka tidak mengambil bahagian dalam perniagaan runcitan, bandar-bandar baru tidak akan mencerminkan agihan penduduk di Malaysia dan ini akan memberikan kesan sosial yang tidak baik pada masa hadapan.

"Ini memberikan alamat tidak baik pada masa depan. Terdapat 'ghetto' bagi masing-masing kaum".

"Jadi, jika ini berterusan, saya yakin satu hari kita akan hadapi satu lagi masalah sosial yang membawa kepada Peristiwa 1969", katanya.

Oleh itu, katanya, kerajaan memberi perhatian kepada jenis-jenis perniagaan yang patut disertai oleh bumiputera di bandar-bandar baru dan mendapati bidang francais adalah sistem yang mempunyai potensi untuk diterima oleh bumiputera berbanding dengan bidang-bidang yang mungkin mereka tidak berpengetahuan atau kemampuan.

Selain daripada itu, sistem francais boleh diperluaskan kepada banyak jenis perniagaan, katanya, sambil menambah bahawa perbincangan telah dilakukan dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk menjayakan penglibatan bumiputera dalam bidang runcitan.

Salah satu pendekatan yang diambil oleh kerajaan ialah mengenal pasti serta memberi peluang pesara-pesara tentera atau kumpulan-kumpulan lain yang berminat dan sesuai untuk mengendalikan perniagaan di bandar-bandar baru, dengan cadangan memberikan mereka latihan serta juga modal.

Sementara itu, bagi perusahaan industri pula, pengeluaran komponen-komponen kecil (child parts) adalah digalakkan kerana pasarannya telah sedia ada.

Beliau memberi contoh dalam lawatannya ke Jepun baru-baru ini di mana sebuah kilang yang dilawatinya menggunakan jentera yang boleh mengeluarkan berbagai-bagai barangan dengan bantuan komputer dikenali sebagai "five-axis machine."

Beliau berkata kerajaan telah mengarahkan Technology Park supaya membeli jentera tersebut serta memberi latihan pengendalian kepada pengusaha-pengusaha yang mungkin berminat.

Di dalam dialog tersebut, Perdana Menteri juga menyentuh mengenai kesukaran bagi pengusaha mendapat pinjaman bank. Sambil menyatakan bahawa

beliau memahami masalah tersebut, beliau juga menegur pengusaha supaya mengambil serius serta bertanggung jawab terhadap hutang serta menjalinkan hubungan yang baik dengan bank.

Beliau juga menyeru pengusaha bumiputera agar serius dalam urusan kewangan serta menekankan betapa perlunya diperkukuhkan golongan pertengahan.

Katanya ekuiti bumiputera dalam bidang perniagaan masih tidak mencapai 30 peratus dan berdasarkan graf, unjurannya adalah seperti 'gelas wain terbalik' di mana dasarnya luas tetapi bahagian tengah yang sepatutnya mewakili golongan profesional terlalu runcing.

"Kekuatan mana-mana masyarakat bergantung kepada kelas pertengahannya," katanya.

-- BERNAMA

SHO OS